

Headline	5,017 pokok Gutta Percha ditanam seluruh negara dalam masa 24 jam		
MediaTitle	Wilayahku		
Date	24 May 2022	Color	Full Color
Section	News	Circulation	50,000
Page No	22	Readership	100,000
Language	Malay	ArticleSize	428 cm ²
Journalist	AINI MAWAWI	AdValue	RM 2,494
Frequency	Weekly	PR Value	RM 7,483



5,017 pokok Gutta Percha ditanam seluruh negara dalam masa 24 jam

AINI MAWAWI
Foto: FARIS AZMI PPJ

YAYASAN TM (YTM) unit Yayasan Telekom Malaysia Berhad melancarkan Program Penanaman Pokok Gutta Percha sebanyak 5,017 batang secara serentak di 23 zon seluruh negara dalam masa 24 jam Selasa lalu.

Program yang menerima pengiktirafan oleh *Malaysia Book of Records* tersebut bersempena Hari Telekomunikasi dan Masyarakat Berinformasi Sedunia 2022 ini diinspirasikan daripada kempen 'Penhijauan Malaysia: Pokok Kita, Kehidupan Kita' di bawah Kementerian Tenaga dan Sumber Asli.

Menurut Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan TM, **Tan Sri Datuk Seri Abd Ghafar Mahmud**, program yang penuh simbolik itu merupakan usaha kolaboratif untuk melindungi khazanah semula jadi dan menghargai peranan unik spesies tersebut.

"Dari asal usulnya yang kurang dikenali di dalam hutan semula jadi kita sendiri, spesies ini telah mengubah keupayaan komunikasi kita, dan kini ia menjadi tanggungjawab kita untuk melindunginya buat generasi akan datang," ujar beliau.

Tambah beliau lagi, spesies yang berasal dari negara ini



ZAHIDI (tengah) menanam pokok Gutta Percha di Taman Botani Selasa lalu disaksikan **Abd Ghafar Mahmud** (dua kiri).

dikenali sebagai Nyatoh Taban Merah dalam kalangan penduduk tempatan.

"Ia memainkan peranan penting kepada permulaan rangkaian telegraf dasar laut global, di mana pada tahun 1851, getah daripada pokok Gutta Percha mula digunakan sebagai bahan penambat dan seterusnya membawa kepada penciptaan kabel dasar laut pertama dunia," ujar beliau.

Kata beliau lagi, Hari Telekomunikasi dan Masyarakat

Berinformasi Sedunia 2022 disambut oleh pemain industri, agensi dan rakan korporat dengan cara mereka tersendiri.

"Ketika kita berada dalam dunia digital yang bergerak pantas, kita perlu mengimbangnya dengan usaha-usaha pemuliharaan hijau untuk mengekalkan persekitaran kita. Saya gembira menyaksikan pemeliharaan Gutta Percha, spesies asli yang penting dalam bidang telekomunikasi," ujar beliau.

Sejumlah 18 rakan usahasama

PENANAMAN POKOK GUTTA PERCHA TERBANYAK THE MALAYSIA BOOK OF RECORDS

Tahukah Anda?

1845

Kabel dasar laut telah dicipta pada tahun 1845 menggunakan getah percha, bahan bergetah dibuat daripada getah pokok gutta percha di Tanah Melayu. Apabila bahan ini telah dicipta, percubaan pertama ialah untuk memasang kabel di dasar laut. Pada tahun 1849, kabel dasar laut telah berjaya dilabuhkan di antara England dan Perancis oleh syarikat Brett Bersaudara.

ERA BARU - Kabel komunikasi dasar laut adalah kabel yang terletak di dasar laut di antara stesen daratan bagi membawa isyarat telekomunikasi merentas lautan.

KABEL DASAR LAUT

1850

Kabel Pertama

1 2 3

terlibat terdiri daripada Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS), Perbadanan Putrajaya (PPJ), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Majlis Perbandaran Sepang dan banyak

lagi. Terdahulu, program penanaman turut diadakan di Taman Botani Putrajaya yang dirasmikan Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Zahidi Zainul Abidin. **W K**